

Tindakan lebih tegas jika terlibat rasuah – Musa

UM-24/5/2007

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR 23 Mei – Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan hari ini memberi amaran akan bertindak lebih tegas terhadap mana-mana pegawai, anggota dan kakitangannya yang didapati terlibat dengan rasuah atau kesalahan lain selepas gaji baru mereka bermula Julai ini.

Tegas Musa: “Kalau mereka terima rasuah juga, tanggung sendiri akibatnya. Saya tidak akan beri nasihat lagi, tindakan akan diambil serta-merta terhadap pegawai atau anggota yang terlibat.”

Katanya, kenaikan gaji warga polis dengan tambahan sebanyak 20 peratus yang akan bermula bulan depan itu seharusnya menambah mutu kerja setiap anggota pasukan tersebut dan tiada lagi ruang atau alasan bagi mereka untuk menerima rasuah.

“Saya percaya kenaikan gaji ini mampu

Saya percaya kenaikan gaji ini mampu menangani masalah seperti rasuah kerana tiada lagi alasan gaji murah atau terpaksa melakukan kerja sampingan di kalangan warga PDRM

menangani masalah seperti rasuah kerana tiada lagi alasan gaji murah atau terpaksa melakukan kerja sampingan di kalangan warga PDRM,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Perhimpunan Khas Pegawai-Pegawai Awam PDRM Bersama Ketua Polis Negara sempena Sambutan Hari Polis Ke-200, di sini hari ini.

Kelmarin, kerajaan mengumumkan kenaikan gaji sektor awam meliputi PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang akan menerima kenaikan tambahan sebanyak 20 peratus.

Dalam pada itu, Musa berkata, tinda-

kan tegas itu juga sejajar dengan harapan rakyat yang mahukan mutu perkhidmatan PDRM dipertingkatkan memandangkan gaji setiap pegawai, anggota dan kakitangan pasukan tersebut telah dinaikkan.

Justeru katanya, bagi mencapai hasrat itu, pemantauan dan pengawasan ke atas setiap hasil kerja anggota polis akan dipertingkatkan selepas ini.

Sebagai contoh katanya, setiap tugas yang diberikan kepada mana-mana anggota polis akan sentiasa dipantau oleh pihak atasan bagi memastikan ia dilakukan dengan betul.

“Pengawasan penting kerana anggota

MUSA HASSAN
Ketua Polis Negara

polis juga manusia dan sebagai manusia, mereka juga mempunyai kelemahan.

“Selain itu, saya berkeyakinan bahawa kenaikan gaji tersebut mampu mengatasi atau setidak-tidaknya mengurangkan masalah rasuah di kalangan anggota polis,” katanya.

Menurutnya, masalah rasuah memang sentiasa dipandang serius sejak dahulu dan PDRM tidak pernah berkompromi dalam hal tersebut.

Di samping itu katanya, PDRM akan sentiasa bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengenai cara memperketatkan prosedur menangani gejala rasuah di kalangan anggota polis.

Tambahnya, pihak pengurusan juga akan sentiasa mengaturkan dialog, perbincangan dan perjumpaan dari semasa ke semasa di kalangan warga PDRM bagi menyalurkan maklumat mengenai keburukan rasuah.